



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	9/7/2011

Rakyat cintakan keamanan perlu tolak 'demokrasi jalanan'

AMRAN keras polis yang akan bertindak tegas bagi menghalang perhimpunan haram Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) hari ini di ibu negara tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak, terutama penganjur serta penyokong setiap pertubuhan. Tindakan polis itu bagi memastikan keamanan dan ketenteraman awam dapat dibendung berikutan kedegilan BERSIH yang mahu meneruskan hasrat mereka mengadakan perhimpunan haram itu. Berikutan itu, orang ramai dinasihatkan jangan sekali-kali mengambil bahagian atau terbabit dalam perhimpunan haram itu kerana ia hanya akan mencetuskan huru-hara dan ketidaktentuan dalam negara. Orang

ramai perlu mengelak diri daripada memasuki ibu negara buat sementara waktu sehingga keadaan kembali terkawal. Polis juga mengumumkan penutupan 32 jalan di sekitar Kuala Lumpur yang dipercayai akan digunakan peserta perhimpunan haram ini. Sebagai langkah pencegahan, polis terpaksa mendapatkan perintah larangan mengikut Seksyen 98 Kanun Acara Jenayah dari Mahkamah Majistret Kuala Lumpur bertujuan menghalang perhimpunan haram ini. Perintah larangan memasuki ibu kota bukan saja terhad kepada 91 pemimpin yang disenaraikan polis, tetapi juga memabitkan semua penyokong mereka. Justeru, polis memberi amaran akan bertindak tegas terhadap

peserta perhimpunan haram ini.

Kita melihat kebiadapan pemimpin pertubuhan haram BERSIH yang turut didalangi pemimpin pembangkang cuba mencetuskan kekacauan, menunjukkan sikap amat tidak bertamadun. Penganjur perhimpunan haram ini, berdegil tetap mahu berhimpun di Stadium Merdeka hari ini, sedangkan lokasi perhimpunan haram yang dirancang itu tidak mendapat kebenaran kerajaan dan permit polis. Keadaan itu secara langsung mengundang pelbagai masalah. Pihak polis terpaksa mengadakan kawalan ketat dengan mengerah puluhan ribu anggotanya bagi menghalang perhimpunan haram itu. Pelbagai kesukaran lain terpaksa ditempuhi

rakyat apabila banyak jalan menuju ibu negara mengalami kesesakan. Pelbagai acara terpaksa dibatalkan, malah ada penduduk Kuala Lumpur yang mengambil cuti keluar dari ibu kota kerana bimbangkan keselamatan mereka. Inilah harga yang perlu dibayar oleh rakyat apabila ada kumpulan pengacau yang secara terang-terangan melanggar undang-undang dan peraturan negara. Sampai bila mereka akan bertindak sedemikian bagi mencapai agenda politik sempit kumpulan yang kecewa ini? Justeru, setiap rakyat negara ini yang cintakan keamanan perlu bersatu dan menolak budaya demonstrasi yang boleh mencetuskan kekacauan dan kemudaratn.